



AMAT TAMSIR BIN BASRAH

CENDAWAN BUKIT KAPAR

Oleh: Mohd Ghazali Tocheh

WALAUPUN semenjak kanak-kanak lagi dia sudah menjadi buta, setiap ahli keluarganya amat menyayanginya. Mereka merupakan pelita penyuluh dan senjata perjuangannya mencipta kejayaan sehingga kini. Dia tidak pernah tewas dengan keagalannya. Malahan keagalannya itulah menjadi landasan konkrit untuknya memacu gerakan menuju kemenangan. Dia kerap membuat kejutan demi kejutan hingga masyarakat menganggapnya manusia aneh dan segan padanya. Walaupun tiada pendidikan formal yang diterimanya di sekolah, dia bijaksana menguruskan impiannya menuju jaya. Daya pemikirannya amat kreatif, inovatif dan kompetitif. Dia lebih suka banyak bekerja daripada banyak bercakap.

Amat Tamsir bin Basrah dilahirkan di dalam keadaan normal (celik) pada 1 September 1949 di Bukit Kapar, Klang, Selangor. Dia anak kedua daripada 5 orang adik-beradik. Bapanya bekerja sebagai Penoreh Getah. Ibunya di samping suri rumahtangga turut bekerja menoreh getah membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Seingatnya ketika usianya lebih 4 tahun, dia dihinggapi demam panas yang melampau. Bapanya membawanya ke Hospital Klang. Selepas seminggu dimasukkan ke wad dan dirawat, bebola matanya yang sebelah kiri pecah dengan tidak semena-mena. Seminggu sesudah itu, bebola matanya yang kanan pula menerima nasib serupa. Selepas dirawat beberapa lama di wad dan sesudah pulih daripada sakitnya, dia dibawa balik ke rumah di dalam keadaan buta.

Pada tahun 1960 sesudah umurnya 11 tahun, dia mula belajar agama dan mengaji Muqaddam dan Al-Quran secara menghafal di surau berdekatan yang jauhnya lebih kurang suku batu dari rumah. Kalau mula-mula berulang-alik dari rumah ke surau dengan kawan-kawan sebaya yang memandunya, selepas beberapa hari sesudah itu dia pergi dan balik bersendirian walaupun tanpa tongkat di tangan. Selain daripada diasuh dan diajar ibu dan bapa, dia juga turut menimba berbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman hidup daripada rakan-rakan sebaya dan

jiran-tetangga.

Setelah adik-beradik dan rakan sebaya semuanya ke sekolah sedang dirinya terus terperusuk di rumah, keinginan dan minatnya untuk belajar berkobar-kobar di dada. Di dalam tahun 1964 ketika umurnya 15 tahun, dia dibawa bapa dengan diiringi Ketua Kampung bertemu Pegawai Kebajikan Masyarakat Klang (PKMK). Di dalam pertemuan itu dia gagal ditempatkan di mana-mana institusi latihan untuk orang-orang buta apabila PKMK memaklumkan padanya kesemua tempat sudah dipenuhi.

Setelah menunggu lebih 6 tahun, pada 21 Oktober 1970 PKMK menawarkannya tempat untuk mendapat latihan pemulihan di Taman Harapan Bagi Orang-orang Buta, Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB), Temerloh, Pahang. Tawaran itu diterimanya dengan hati terbuka dan restu keluarga mengizinkaninya pergi berupa suntikan semangat untuknya menjadi juara. Setelah berada di Taman Harapan, pelajaran menulis dan membaca Braille idamanya tiada dijadualkan selama dia menginap di situ. Dia tidak kecewa. Sebaliknya latihan-latihan pertanian, penternakan dan anyaman bakul daripada rotan kasar dan halus terus diikutinya penuh minat. Di samping itu dia turut belajar daripada rakan-rakan sepelatih dan mempraktikkan berjalan menggunakan tongkat secara betul.

Di bidang pertanian, dia dan rakan-rakan sepelatih diajar dan dibimbing membersihkan kawasan tapak bercucuk-tanam, menyediakan batas-batas dan menanam sayur-sayuran serta penjagaannya dan menyediakan baja kompos. Di bidang penternakan, mereka diajar dan dibimbing cara-cara memelihara ayam, itik dan kambing termasuklah kebersihan reban dan kandang ternakan. Di bidang anyaman rotan pula mereka diajar dan dibimbing membuat bakul daripada rotan kasar untuk kegunaan estet-estet getah, kelapa sawit dan nelayan-nelayan. Anyaman rotan halus bagi membuat bakul sampah, bakul dobi, beg sekolah dan lain-lain turut juga mereka pelajari. Rutin hariannya bersama rakan-rakan sepelatih selama berada di Taman Harapan sentiasa padat. Tentang penginapan, makan-minum dan lain-lain kemudahan berkaitan

termasuk latihan disediakan secara percuma.

Pada bulan Mac 1973, dia balik semula ke kampung setelah menamatkan latihannya. Kalau pemergiannya ke Taman Harapan dahulu dijemput oleh pegawai-pegawai Taman Harapan,baliknya dia ke kampung pun mereka jugalah yang mengiringinya hingga sampai ke rumah. Sesampainya ke kampung dan cara kebetulan pula bapa sedang rancak membuka tanah baru yang letaknya lebih kurang sebatu dari rumah, dia mengambil kesempatan itu untuk mengusahakannya dengan berkebun sayur. Pihak Taman Harapan pula membekalkannya bantuan kewangan untuk memulakan perkebunan. Bukan menyediakan batas-batas, menyemai dan menanam benih-benih sahaja, memelihara dan menjaga sayur-sayuran yang sudah tumbuh subur menghijau pun dia juga yang mengerjakannya. Malahan baja kompos yang digunakan membaja sayur-sayuran dia juga yang memproses dan menyediakannya. Dia tambah bersemangat lantaran bapa dan ibunya turut menyokong padu dan membantu kerja-kerja di perkebunannya.

Setiap hari dia ke kebunnya dengan berjalan kaki sendirian bersama tongkat di tangan sebagai temannya. Sebelum tiba di kebun, dia terlebih dahulu terpaksa melewati jambatan yang sentiasa penuh dihuni lembu-lembu yang lepak-lepak di situ. Dia terpaksa menyisir tepian jambatan penuh waspada sambil tongkat di tangan mengawal gerakannya supaya jangan tersasar sebelum tiba ke seberang. Pada saat inilah didengarinya suara-suara gementar orang-orang sekampung memintanya lebih berhati-hati agar dia jangan tersalah langkah.

Penduduk sekampung dan kampung-kampung berdekatan amat pelik kerana di sepanjang berulang-alik sendirian, tiada sekali pun dia terbabas atau tersasar haluan sama ada hendak ke kebunnya dan balik ke rumah. Mereka bertambah hairan dan kagum apabila melihat kebun yang diusahakannya penuh dengan sayur-sayuran yang tumbuh dengan segar dan subur menghijau. Hasil tanam-tanamannya seperti kacang panjang, timun, terung, cili dan sebagainya sememangnya diusahakannya untuk dijual dan orang-orang kampung berebut-rebut membelinya. Walaupun imbuhananya kecil sejajar dengan keluasan tanah yang diusahakannya, dia terasa puas

kerana pendapatannya sedikit-sebanyak dapat membantu keluarga.

Selepas setahun lebih berkebun sayur, pada penghujung tahun 1974 dia memulakan pekerjaannya menternak ayam daging. Idea itu tercetus hasil daripada saranan salah seorang jiran sekampung yang menyertai Persatuan Peladang setempat memintanya melaksanakannya secara komersial. Inilah peluang terbaik buatnya untuk menguji kebolehan sendiri berasaskan latihan yang sudah diterimanya di Taman Harapan. Ditambah lagi segala-gala yang diperlukan berkaitan dengan penternakan termasuk anak-anak ayam dan makanannya disediakan dan dibekalkan pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) secukupnya.

Setelah semuanya siap sedia, dia memulakan operasinya mempraktikkan segala yang sudah dipelajarinya ke hala menternak ayam daging secara komersial. Antara rutin hariannya termasuklah menentukan anak-anak ayam sentiasa berkeadaan baik dan makan-minumnya mencukupi. Reban juga ditentukannya di dalam keadaan bersih sepanjang masa. Bagi tempoh 2 minggu setelah anak-anak ayam diterimanya, dia akan memastikan lampu berkuasa elektrik yang dibekalkan di dalam rebannya yang khas sentiasa menyala. Anak-anak ayam yang kesejukan pasti datang berhimpun di sekeliling lampu yang menyala untuk memanaskan badan masing-masing. Setelah tempoh itu berlalu, anak-anak ayam yang sudah mula membesar itu dipindahkan ke reban yang lain pula.

Hasil kepekaannya yang konsisten, praktikal, sistematik dan relevan pada piawaian kerja yang ditentukan, kejayaannya menternak ayam daging ketara terserlah dan cemerlang. Walaupun pernah di suatu ketika ayam-ayam peliharaan penduduk sekampung dan kampung-kampung berjiran habis mati diserang sampar, kesemua ayam daging ternakannya terlepas daripada serangan wabak tersebut. Kalau segala-galanya berjalan baik dan lancar, dia bakal mengutip hasil daripada rutin hariannya di dalam tempoh 3 bulan setelah anak-anak ayam diserahkan padanya. Berat minima seekor ayam daging berbaka baik setelah matang lebih daripada 3 kati (lebih kurang 2 kilogram) dan maksima lebih 7 kati (lebih kurang 4 kilogram).

Urusan pemasarannya pula dikendalikan pihak LPP sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian yang mereka meterai bersama. Purata pendapatan bersih yang diterimanya antara RM300.00 hingga RM400.00 sebulan setelah ditolak kesemua kos terlibat.

Namun sedang dia rancak menjalankan rutin hariannya, dia tiba-tiba terasa tawar hati untuk meneruskannya. Bekalan anak-anak ayam yang diterimanya daripada pembekal tidak lagi mematuhi piawaian yang dikehendakinya. Ini disebabkan ayam-ayam daging yang dipeliharanya tidak membesar dengan sempurna dan menepati sukatan berat yang sepatutnya setelah matang. Berasaskan pengetahuan dan pengalamannya selama di dalam latihan di Taman Harapan, anak-anak ayam yang berkualiti dan baik untuk dipelihara dan bakal membesar dengan sempurna mempunyai kerangka dada yang lembut dan segar dan bukan sebaliknya. Dia terasa tertipu dan menasihati pembekal supaya menentukan anak-anak ayam yang diserahkan padanya mematuhi piawaian yang ditentukan. Disebabkan nasihatnya tidak diendahkan pembekal, dia langsung menutup operasinya menternak ayam daging.

Selepas lebih setahun bergiat memelihara ayam daging, dia memodali pula salah seorang saudaranya yang mendapat tender membekal makanan di kantin Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar. Di dalam hubungan ini, dia membekalkan modal secukupnya setiap hari untuk saudaranya itu menjalankan perniagaan di kantin tersebut. Segala pendapatan harian akan dikira dan selepas ditolak imbuhan pada saudaranya itu sebagaimana yang mereka setuju bersama, selebihnya itu dipulangkan semula padanya. Purata pendapatan bersih dianggarkan RM400.00 sebulan. Serentak itu pula dia menternak ayam kampung secara komersial. Ayam-ayam peliharaannya itu ditempatkannya di satu kawasan lapang yang berpagar. Bukan makan-minum sahaja dijaganya cukup, kebersihan reban dan ruang legar untuk ayam-ayam peliharaannya bergerak bebas turut dipastikannya sepanjang waktu. Makanan ayam yang terpilih turut dibelinya berterusan untuk memastikan ayam-ayam peliharaannya membesar dengan sempurna. Berkaitan pasaran, dia tidak perlu kluatir kerana semua pelanggannya sedia datang ke rumah untuk mengambil sendiri bekalan masing-masing. Kegiatan ini lebih menguntungkan dan

lumayan berbanding ketika dia memelihara ayam daging yang dimodali pihak LPP. Walaupun perniagaan di kantin sekolah sudah tamat tempohnya, dia tetap tidak putus pendapatan disebabkan kegiatan memelihara ayam masih berjalan.

Dia sememangnya suka mencuba berbagai perniagaan baru. Mulai tahun 1980, dia mencuba pula perniagaan menjual benih pokok buah-buahan berbagai jenis. Peluang itu diperolehinya disebabkan jiran sekampung yang menjalankan perniagaan itu memberhentikan operasinya. Soal mendapatkan bekalan benih pokok buah-buahan, tidak menjadi masalah buatnya kerana pembekalnya dari ladang benih-benih berkenaan di Kajang sedia menghantarkannya sampai ke rumah setiap kali dia menghendakinya. Jenis benih-benih pokok buah-buahan yang dijualnya termasuklah rambutan, langsung, pulasan, manggis, mangga epal, mangga siam dan lain-lain. Dia menyediakan ruang khas di kawasan rumahnya untuk menempatkan benih-benih yang sudah dipesan daripada pembekal sebelum diedarkan pada pembeli-pembeli yang sudah menempahnya. Sambutannya amat menggalakkan. Hasil yang diraih amat menguntungkan kerana setiap benih yang dibeli akan dijual dua kali ganda berbanding harga belian yang dibuatnya. Purata pendapatannya tidak kurang daripada RM350.00 sebulan. Walau bagaimanapun, dia terpaksa menghentikan operasinya ekoran pelanggan-pelanggan yang sama dan sudah dibekalkannya berkali-kali atas dasar ambil dahulu kemudian bayar lari daripada membayar hutang padanya.

Dia kembali semula menumpukan sepenuh tenaganya pada aktivitinya memelihara ayam kampung selepas lebih setahun menjual benih-benih pokok buah-buahan. Di samping itu, waktunya yang terluang diisikannya dengan menebas belukar dan semak-samun sekeliling perkampungan tempatnya bersama keluarga bermastautin. Kawasan yang sudah dibersihkan diusahakannya pula dengan tanaman keladi secara komersial. Hasilnya selain daripada penduduk-penduduk sekampung, mereka yang berjualan sayur-sayuran di pasar dan di kedai-kedai runcit turut mendapat bekalan daripadanya. Pada ketika itu dia juga turut menerima bantuan bulanan berupa wang tunai daripada PKMK. Walaupun sedikit, sumbangan itu tetap

diterima dan dihargainya dengan penuh kesyukuran. Sumbangan PKMK padanya yang bermula dengan wang tunai RM15.00 sebulan pada awal tahun 1960an meningkat sehingga ke RM60.00 sebulan pada tahun 1990an sebelum diberhentikan.

Menerusi satu rancangan yang diikutinya di radio, minatnya untuk mencuba satu lagi perkara baru pantas berkobar-kobar dalam dada. Pada bulan Disember 1986 dia menghubungi PKMK dan pegawai berkenaan sedia menguruskan bantuan RM1,000.00 untuknya memulakan projek. Dalam masa yang sama dia turut menghubungi pihak Jabatan Pertanian Klang (JPK) dan mereka berbincang di telefon mengenai rancangannya. Pegawai JPK berjanji akan datang melawat ke rumahnya untuk berbincang lebih lanjut.

"Apa yang Encik Tamsir nak buat tu tak semudah seperti yang Encik Tamsir rancang. Ianya cukup susah, Encik Tamsir!" Itulah bicara awal yang dihamburkan pegawai JPK sewaktu mula-mula berkunjung ke rumahnya setelah mendapati dia seorang yang cacat penglihatan.

"Susahnya macam mana ya cik?" tanyanya pula sesudah menyedari bahawa pegawai JPK itu langsung tidak yakin padanya.

"Susahnya sama macam bela anak kecil yang masih bayi lagi!" jawab pegawai JPK persis menakut-nakutkannya.

"Susahnya tu sama macam bela ayam daging ke?" usulnya spontan lantaran kesukaran membela anak kecil sememangnya tiada di dalam pengalamannya disebabkan dia masih bujang lagi ketika itu.

"Encik Tamsir pernah menternak ayam daging ke?" usul pegawai JPK itu lagi sedikit tersentak.

"Pernah!" jawabnya padu.

"Macam tulah susahnya!" sahut pegawai JPK itu lagi penuh tertekan.

"Kalau macam tu, taklah susah!" bidasnya ceria sambil tersenyum simpul.

Ekoran pertemuan itu, kesungguhannya merealisasikan keinginannya tetap diteruskan walaupun tiada sebarang galakan dan rangsangan yang ditinggalkan pegawai JPK padanya. Bantuan yang disumbangkan PKMK digunakannya sepenuhnya membuat persediaan-persediaan wajar. Sambil itu dia berusaha sendiri belajar dengan mereka yang pernah dan sudah berjaya di dalam rancangan yang bakal diusahakannya. Biar pun pihak JPK tidak menggalakkannya setiap kali mereka berbincang di telefon, dia tetap muktamad dengan keputusannya. Pada hari Ahad, 8 Februari 1987 merupakan catatan sejarah untuknya melakar kejayaan. Selepas 25 hari memeram segala usaha dan penat-lelahnya, apa yang jadi harapannya tinggal harapan cuma. Namun dia tetap tidak kecewa jauh sekali berputus asa. Walaupun pegawai JPK yang datang melawat projeknya tiada mengeluarkan sebarang isyarat jauh sekali memberikannya dorongan, dia tetap dengan azamnya mahu mencuba lagi.

Kembali diimbaunya pada segala usahanya sejauh ini. Di samping pondok, kapas yang tidak boleh digunakan lagi seberat 100 kilogram bersama benih secukupnya dibeli menggunakan wang sumbangan RM1,000.00 yang diterimanya daripada PKMK. Kapas direndam sehingga matang, diperah hingga tidak berair lagi dan dihancurkan dengan mencarik-cariknya hingga lumat. Lumatan kapas itu diisi ke dalam karung plastik (poly beg) berukuran 6" X 13" secukupnya. Kesemua karung plastik berisi lumatan kapas tadi diikat dengan getah bulat sebelum dimasukkan ke dalam tong besar untuk dikukus menggunakan dapur minyak tanah. Proses itu mengambil masa hingga 2 jam lamanya dan proses itu terpaksa dilakukan berulang-ulang untuk memenuhi bilangan karung plastik yang ditetapkan. Ini disebabkan hanya 100 karung plastik sahaja yang boleh dimuatkan ke dalam tong setiap kali proses pengukusan

berjalan. Setelah sejuk, kesemua karung plastik itu dikeluarkan dari tong kukusan dan getah-getah pengikatnya diungkai satu-persatu untuk proses memasukkan benih. Selesai benih-benih diisi, kesemua karung plastik kembali diikat menggunakan gegelang khas dan lubang pada gegelang itu disumbat pula dengan kertas. Selepas itu semua karung plastik tadi dimasukkan ke dalam pondok dan disusun di atas rak-rak yang disediakan.

Ekoran kegagalannya, dia berazam dan bertekad mengulangi semula usahanya. Dia rasa amat tercabar dengan sikap pegawai JPK yang ketara padanya merendah-rendah dan memperkecil-kecilkan kebolehan dan kemampuannya. Dia bertindak menghubungi berbagai-bagai agensi swasta di dalam usahanya mendalami ilmu pengetahuan dari aspek-aspek teori dan praktikal berasaskan mengusahakan cendawan secara komersial. Disebabkan bayarannya terlalu tinggi dan membebankan, dia tetap gagal menempatkan dirinya di mana-mana agensi berkenaan yang sedia mengajar dan membimbingnya.

Akhirnya dia menghubungi MARDI Serdang, Selangor untuk mendapatkan maklumat dan khidmat-nasihat. Dalam masa yang sama, dia difahamkan bahawa pihak MARDI sedang rancak melatih mereka yang berminat menjalankan perusahaan cendawan. Disebabkan kecacatannya di samping dia tidak boleh membaca, keinginannya ditolak dengan alasan banyak nota-nota perlu dirujuk semasa menjalani kursus dan latihan. Walaupun dia kesal dan kecewa dengan sikap pihak berkenaan, dia tetap berusaha mendapatkan tempat di MARDI. Selepas 3 bulan berlalu dan selama itulah pula dia tidak jemu-jemu berbincang dan merayu di talian telefon, akhirnya pada 4 Mei 1987, selama 6 hari MARDI Serdang membenarkannya menduduki kursus dan latihan yang diidam-idamkannya. Dia dikenakan bayaran penginapan dan makan-minum selama di dalam kursus dan latihan itu. Setiap hari jadualnya bersama peserta-peserta lain padat dengan mendengar ceramah dan mengikuti latihan-latihan tertentu.

Hasil daripada kursus dan latihan jangka pendek yang dihadirinya, dia puas sekali dengan berbagai-bagai input, ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diterimanya. Sebelum

MARDI Serdang ditinggalkan, dia didatangi pegawai tertinggi di situ dan menyuarakan bahawa pihak mereka sedia menerima rakan-rakan senasibnya sekiranya dia berjaya cemerlang merealisasikan cita-citanya. Pegawai tersebut benar-benar berjaya menyuntik satu semangat baru yang lebih menyakinkan untuknya mengusahakan cendawan secara komersil. Tidak hairanlah setelah berehat sehari-dua sekembalinya daripada MARDI Serdang, tanpa bertanggung-tanggung lagi dia memulakan operasinya. Dia amat berterima kasih kerana pihak JPK sedia membekalkannya pengangkutan untuk memudahkannya memperolehi bahan-bahan terpilih yang utama. Kerjasama pihak LPP di dalam membekalkannya bahan-bahan tertentu walaupun terpaksa dibelinya sendiri turut dihargainya sepenuh hati. Bapanya turut memainkan peranan penting untuk menjayakan cita-citanya.

Setelah bahan-bahan terkumpul kesemuanya di tapak operasi, tugasnya mengaplikasikan segala ilmu dan pengalaman untuk merealisasikan cita-cita bermula. Habuk kayu getah, dedak dan kapur mengikut sukatan ditentukan dicampur dan digaulnya hingga rata sebelum dibancuh dengan air secukupnya. Adunan yang sudah sehati dan matang itu kemudiannya dimasukkan ke dalam karung plastik berukuran 6" X 13" dan proses seterusnya sama seperti yang dilakukannya ketika dia menggunakan kapas sebagai bahan utama mengusahakan cendawan.

Selama proses pemeraman berjalan, pondok yang diisi dengan ribuan karung plastik yang sudah sempurna diisi dengan adunan habuk kayu getah, dedak, kapur dan benih sentiasa dipastikan di dalam keadaan baik. Dia akan memeriksanya dari semasa ke semasa untuk menentukan kesemua karung plastik tidak diserang musuh seperti tikus, serangga penyengat dan lain-lain. Selepas diperam selama 8 minggu (2 bulan), gelang pengikat karung plastik dan kertas yang menyumbat lubang gelang ditanggalkan dan dibuang bagi membolehkan proses percambahan cendawan bermula. Di antara 4 - 5 hari sesudah itu kesemua karung plastik tadi mulalah mengeluarkan hasil cendawan yang matang dan boleh dituai.

Setelah hasilnya habis dituai, kesemua karung plastik tadi ditutup semula dengan melipatkannya sahaja. Dua minggu kemudian, karung plastik itu kembali dibuka untuk

mbolehkan proses percambahan cendawan bermula lagi buat kali kedua. Proses itu akan diteruskan sehingga 6 kali tuaian hasil cendawan mengikut tempoh-tempoh yang ditentukan sebelum karung plastik itu dimusnahkan dan diganti dengan yang baru.

Setelah usahanya berjaya diaplikasikannya dengan cemerlang, bukan sahaja jiran sekampung dan kampung-kampung berdekatan, pihak MARDI, JPK, PKMK, Pejabat Daerah Dan Tanah Klang turut kagum dengan kemampuan dan kebolehannya. Hasil kerjanya yang kolektif, komprehensif dan patuh pada piawaian yang ditetapkan, diakui semua pihak bahawa cendawan yang diusahakannya berkualiti tinggi, eksklusif dan kompetitif di pasaran. Pakarpakar Cendawan daripada MARDI dan JPK turut membuat pengesahan serupa.

Ekoran kejayaannya itu, dia banyak menerima bantuan daripada berbagai pihak. Pada penghujung tahun 1988 berikutan kampungnya dinobatkan sebagai pemenang Belia Kurnia Jaya, dia telah dihadiahkan seunit mesin pengisar dan pengadun. Dengan mesin itu dia tidak lagi menggunakan tangan untuk menggaul dan mengadun bahan-bahan yang digunakan untuk perusahaan cendawannya. Walau bagaimanapun, operasi mesin itu terpaksa diberhentikan pada tahun 1994 atas sebab-sebab kesihatan. Ini berikutan kemasukannya ke wad Hospital Klang selama 2 minggu untuk menerima rawatan. Doktor mengesahkan bahawa asap dan habuk-habuk yang berterbangan sewaktu mesin beroperasi merupakan pencemaran yang menyebabkan dia dihinggapai penyakit berkahak hitam dan paru-paru berkuman. Selepas itu dia kembali menggunakan tangan untuk meneruskan perusahaannya setelah dibenarkan keluar dari hospital.

Menerusi Skim Pinjaman Mikro Kredit yang diwujudkan Kerajaan pada tahun 2003, dia mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli mesin serupa yang lebih selamat. Walaupun permohonannya diluluskan tetapi gagal diberi pinjaman disebabkan kehabisan peruntukan. Dia kemudiannya merujuk permohonannya itu pada pihak JPK dan pada 31 Disember 2003, JPK telah membekalkannya seunit mesin pengisar dan pengadun baru yang

lebih selamat dan efektif dan mesin itulah yang digunakannya sehingga sekarang. Pihak JPK juga turut menyumbang kos membina jalan tar dari rumah ke lokasi operasi perusahaannya untuk kemudahan pengangkutan keluar masuk.

Untuk memudahkan kerja-kerja pengukusan, pada tahun 1997 dia telah membeli sendiri seunit oven berkapasiti tinggi sehingga 2,000 karung plastik boleh diisi di dalamnya dan dikukus sekaligus berharga RM2,500.00 dan oven itulah yang digunakannya sehingga sekarang. Setiap kali operasi mengukus dijalankan, setong gas yang digunakan sehingga habis itulah isyarat bahawa bahan-bahan yang dikukus sudah masak dan matang. Untuk menyimpan cendawan-cendawan yang sudah dituai agar sentiasa segar, pada awal tahun 1990an Pejabat Daerah Dan Tanah Klang menyumbang dan membekalkannya seunit peti sejuk gergasi. Di dalam peti sejuk inilah kesemua cendawan yang sudah dituai sebelum dipasarkan disimpan.

Berdasarkan bahan-bahan yang diperolehi, dia boleh menyediakan 3,000 karung plastik dalam satu-satu masa. Kapasiti setiap pondok boleh bermuat sehingga 2,300 karung plastik serentak. Buat masa ini dia sudah memiliki 4 buah pondok untuk menjamin hasil dan pendapatannya lumayan dan berterusan. Berkaitan pemasaran pula, dia sememangnya sudah ada pelanggan sendiri semenjak perusahaannya diperkenalkan sehinggalah sekarang. Mereka akan datang sendiri sesudah menghubunginya menerusi telefon untuk mendapatkan bekalan.

Bukan penduduk sekampung dan kampung-kampung berdekatan sahaja, mereka yang berniaga di Pasar Bandar Klang dan pasaraya-pasaraya sekitar Bandar Klang turut mendapatkan bekalan cendawan daripadanya. Sejauh ini dia tidak pernah mendepani sebarang masalah pemasaran, malahan ada waktunya pelanggan melebihi bekalan walaupun dia tidak pernah mengecilkan operasinya. Purata pendapatannya antara RM1,500.00 hingga RM2,000.00 sebulan. Dia begitu gembira dengan kerjayanya walaupun cuma di kampung sahaja.

Pada 5 September 1997 (Jumaat) ketika usianya 48 tahun, dia menamatkan zaman

bujangnya setelah bertemu jodoh dengan seorang gadis dari Sabak Bernam, Selangor. Perkenalan mereka bermula apabila adik angkatnya (perempuan) yang tinggal di Cheras, Kuala Lumpur membawa seorang kawan perempuan datang bertamu ke rumahnya. Mulai detik kunjungan pertama itu, gadis bertuah itu kerap berkunjung ke rumahnya walaupun datang bersendirian. Pernah di suatu ketika sewaktu dia sibuk dengan kerja-kerjanya, gadis itu tanpa disedarinya meringankan tangan membantunya memasuk dan menyusun karung plastik yang sudah disempurnakan ke dalam pondok cendawannya.

Apa yang dilakukan gadis itu benar-benar meninggalkan kesan mendalam dan memaut hatinya. Jodoh pertemuan, ajal maut, tanah kubur, rezeki dan segala-galanya di dalam kekuasaan Allah Yang Esa dan berasaskan kata-kata hikmat itulah dia telah mendirikan rumahtangga dengan Norliza Binti Abdullah (42 tahun) iaitu gadis kenalan dan sering bertamu ke rumahnya sejak tahun 1994 lagi. Isterinya adalah seorang Guru dan sedang berkhidmat di Sekolah Menengah Perempuan Kapar, Klang. Sehingga kini mereka sudah punya seorang anak lelaki yang aktif dan lincah di usia lebih kurang 3 tahun.

Dia amat bersyukur dan ceria kerana sejak mendirikan rumahtangga suasana hidupnya bertambah ceria dan bahagia. Dia juga amat bersyukur dan berterima kasih kerana isterinya sentiasa memberi perhatian istimewa padanya. Sejak mereka mendirikan rumahtangga, dia bukan lagi pingitan kampung yang sentiasa sibuk dengan perusahaannya. Sejak mereka mendirikan rumahtangga, dia sering dibawa isterinya bersiar-siar dan berkelah di pusat-pusat pelancongan dan peranginan dan juga makan-makan di luar. Padanya, isterinya adalah mutiara dan cahaya yang menerangi hidupnya di samping menjadi sumber inspirasi dan galakan untuknya meneruskan perusahaan cendawannya secara komersial dengan lebih giat lagi.